

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1998/99

Februari 1999

HTU 211 - Tamaddun Islam Dan Tamaddun-tamaddun Asia

[Masa: 3 jam]

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI SERATUS DUA PULUH [120] SOALAN DI DALAM LIMA PULUH SEMBILAN [59] HALAMAN. JAWAB SEMUA SOALAN DI ATAS BORANG OMR.**

**ARAHAN:**

1. Pastikan anda menulis angka giliran, Kod Kursus dan Kod Pusat Pengajian dengan tepat dalam ruang yang betul di atas Borang OMR. Kegagalan berbuat demikian boleh mengakibatkan jawapan anda tidak dapat diperiksa dan anda kehilangan markah.
2. **Anda dilarang mengambil atau membawa keluar kertas soalan ini dari tempat peperiksaan. Kertas soalan ini akan dipungut dan dibilang sebelum kertas jawapan anda dipungut apabila cukup waktunya.**
3. Sila gunakan PENSIL 2B sahaja untuk Borang OMR.
4. Hitamkan semua ruang jawapan dengan penuh dan teliti [lihat contoh di bawah] dan padamkanlah hingga bersih jika tersalah.

A
---

B
---

C
---

D
---



5. Sila tuliskan kod Pusat Pengajian anda seperti berikut di atas Borang OMR:

- |    |   |                                     |
|----|---|-------------------------------------|
| 01 | - | Ilmu Kemanusiaan                    |
| 02 | - | Ilmu Pendidikan                     |
| 03 | - | Sains Kemasyarakatan                |
| 04 | - | Sains Farmasi                       |
| 05 | - | Perumahan, Bangunan dan Perancangan |
| 06 | - | Sains Perubatan                     |
| 07 | - | Sains Komputer                      |
| 08 | - | Pengurusan                          |
| 09 | - | Komunikasi                          |
| 10 | - | Teknologi Industri                  |
| 11 | - | Kejuruteraan Bahan & Sumber Mineral |
| 12 | - | Kejuruteraan Elektrik & Elektronik  |
| 13 | - | Kejuruteraan Awam                   |
| 14 | - | Kejuruteraan Mekanik                |
| 15 | - | Kejuruteraan Kimia                  |
| 16 | - | Sains Kajihayat                     |
| 17 | - | Sains Kimia                         |
| 18 | - | Sains Fizik                         |
| 19 | - | Sains Matematik                     |

6. Pastikan anda telah mematuhi semua arahan dengan teliti sebelum mula menjawab.

1. Susunan manakah yang mengandungi peralatan yang tidak ada hubungan dengan sistem pentadbiran kerajaan Hindu:
  - I Payung Iram: simbol perlindungan oleh raja kepada rakyat.
  - II Gendang diraja: menandakan sifat kebesaran diraja.
  - III Lagu Kebangsaan: peniup semangat kebangsaan.
  - IV Bendera: simbol kemegahan negara.
  - V Cokmar: menandakan pemerintahan.
  - A I, II dan III.
  - B I, III dan IV.
  - C III, IV dan V.
  - D I, IV dan V.
  - E I, III dan V.
  
2. Semua pernyataan berikut tidak ada hubungan dengan kerajaan Hindu Gupta kecuali:
  - A Mempunyai pentadbiran secara pusat yang diketuai oleh seorang Perdana Menteri.
  - B Raja tidak mempunyai kuasa mutlak.
  - C Bandarayanya ditadbir oleh Nagarpati.
  - D Upanishad ialah pentadbir pada peringkat kampung.
  - E Gramika dan Gramsabha adalah ketua perundangan.

3. Semua pernyataan berikut menjelaskan konsep sastera Tamil kecuali:
- A. Kesusasteraan Saggam telah wujud sejak kurun ke-2 SM.
  - B. Zaman Klasik amat menghargai puisi, cinta, keperwiraan, persahabatan dan keperluan kekeluargaan.
  - C. Sastera Etikanya bertujuan meniupkan kebangkitan semangat Tamil.
  - D. Tema-tema mengenai idealisme moral dan etika bertunjangkan ajaran Jainisme.
  - E. Matlamat sastera Tamil ialah untuk menjadikan sastera Tamil sebagai sastera sejagat.
4. Yang mana satukah yang tidak ada kaitan dengan perkembangan fizik dan kimia orang-orang India?
- A. Unsur-unsur alam kecuali angkasa adalah bercirikan atom.
  - B. Konsep jirim adalah berdasarkan intuisi dan logika, dan bukan eksperimen.
  - C. Corak pencantuman atom yang berbeza menghasilkan elemen-elemen yang pelbagai sifat.
  - D. Alam semesta adalah gabungan tanah, api, air dan angin.
  - E. Asid dan garam logam dicipta menerusi proses pembakan dan penyulingan.
5. Pernyataan manakah yang tidak ada kaitan dengan seni muzik dalam tamaddun India.
- A. Teks muzik India Utara berbeza dari teks muzik India Selatan.
  - B. Tala menjadi asas teori irama.
  - C. Pemain gendangnya mempunyai kemahiran memukul dengan tangan dan jari.
  - D. Alat-alat muziknya lebih canggih dari alat-alat muzik milik Barat, dan ia terbahagi kepada enam kategori.
  - E. Raga lebih kompleks dari teori melodi Barat.

6. Pernyataan manakah yang tidak benar berhubung dengan seni tari dari Empayar Gupta?
- A. Tariannya mempunyai teks.
  - B. Ciri utama tariannya ialah simbol tangan.
  - C. Pada abad ke-6 Masihi lagi sudah ada perbincangan tentang teknik mengatur pentas, emosi dramatik dan seumpamanya.
  - D. Bharata Natyam mempunyai pergerakan yang agak mudah.
  - E. Seseorang penari yang profesional boleh membuat hingga 36 pergerakan mata.
7. Berikut ialah pernyataan-pernyataan yang ada hubungkait dengan sains kecuali:
- A. Angka sifar telah ditemui dalam inskripsi di Gujerat pada tahun 595 Masihi.
  - B. Sistem perpuluhan yang kemudiannya digunakan oleh orang-orang Arab itu adalah ciptaan dari tamaddun India.
  - C. Algebra asas itu dipelajari oleh Tamaddun India dari Tamaddun Arab.
  - D. Konsep geometri telah lama dipakai untuk membina rumah yang diguna sebagai tempat perlaksanaan ritual keagamaan.
  - E. Bidang sains logam telah lama berkembang.
8. Susunan manakah yang tidak dapat diterima sebagai proses globalisasi seperti yang difahami umum kini ?
- I. Unsur permisif mewarnai sosio-budaya tempatan.
  - II. Remaja lebih mementingkan kepada budaya konsert dan pop.
  - III. Pembangunan sosio-ekonomi berseiringan dengan pertambahan mungkar dan maksiat.
  - IV. Perkembangan sains dan teknologi mendapat tempat yang istimewa.
  - V. Kehalusan budi dan ketinggian akhlak menjadi ukuran segala.

- A. I, II, IV dan V.
  - B. II, III, dan IV.
  - C. I, III, dan V.
  - D. I, III, dan IV.
  - E. I,II,III dan IV.
9. Pernyataan berikut menjelaskan bahawa konsep-konsep tertentu bukan sahaja mengalami perubahan, malah pencemaran kecuali:
- A. Manusia yang dilahirkan dari pasangan yang halal dari segi institusi pernikahan tidak ada bezanya dari manusia yang lahir dari pasangan bersekedudukan dan pengklonan tanpanikah.
  - B. Sekatan penjualan minyak Iraq oleh Amerika dan sekutunya adalah tindakan yang menghalalkan kebuluran dan kematian di kalangan rakyat khususnya kanak-kanak Iraq.
  - C. Pembangunan yang diutamakan ialah yang mempunyai prasarana yang canggih dan berteknologi tinggi dengan menyisihkan ketinggian nilai keinsanan.
  - D. Peperangan hanyalah satu permainan yang bersifat mendidik negara-negara kecil supaya akur kepada arahan negara-negara besar.
  - E. Pertembungan tamaddun yang digembar-gembur oleh Barat itu pada hakikatnya ialah menifestasi kerunsingan Barat atas kesedarannya bahawa tamaddun-tamaddun Timur mempunyai banyak persamaan di antara mereka.
10. Untuk menghadapi cabaran alaf baru yang banyak menyentuh, malah menggugat kehidupan rakyat yang berteraskan tamaddun-tamaddun terbesar dunia, Kerajaan Malaysia telah menganjurkan siri dialog peradaban. Semua maklumat mengenai dialog tersebut tidak betul kecuali:
- A. Konfusyenisme dan Islam: Satu Dialog Peradaban.
  - B. Konvensyen tentang pemikiran Jose Rizal: Satu pencarian identiti Melayu.
  - C. Konvensyen pemikiran Muhammad Iqbal.
  - D. Konvensyen pemikiran Sun Yat Sen.
  - E. Konvensyen pemikiran Jamaluddin al-Afghani.

11. Susunan manakah yang tepat menjelaskan pemikiran pascamoden yang sedang diglobalisasikan?
- I. Kematian subjek.
  - II. Penafian realiti.
  - III. Ketiadaan makna.
  - IV. Penolakan naratif besar bersama penafian Kebenaran.
  - V. Metafizikal merupa kekuatan baru.
- A. I, II, III dan V.
  - B. I, II, III dan IV.
  - C. II, III, IV dan V.
  - D. I, III, IV dan V.
  - E. II, III, V dan I.
12. Semua yang berikut menggambarkan dominasi oleh sebuah tamaddun ke atas tamaddun yang lain kecuali:
- A. Macau masih berada di bawah jajahan Portugis.
  - B. Barat menghasilkan Peperangan Candu di China.
  - C. Hiroshima dan Nagasaki telah dibomkan oleh Barat.
  - D. Kubah-kubah dari Kristian Timur telah menjadi sebahagian dari hiasan kepada masjid-masjid Islam, dan kemudiannya menjadi hiasan pula kepada candi-candi di India.
  - E. Bahasa Sepanyol menenggelamkan beberapa lama bahasa Tagalog.

13. Pernyataan yang mana satukah yang lebih menepati konsep kesenian dalam Islam?
- A. Adalah sudah mencukupi dengan penyanyi mendendangkan lirik lagu yang mengangkat martabat insan.
  - B. Para penari pengiring atau penari latar boleh mempamirkan pergerakan yang bebas.
  - C. Sudah mencukupi kalau penyanyi-penyanyi wanitanya patuh kepada prinsip kostum Islami semasa di atas pentas atau semasa persembahan.
  - D. Seniman bukan hanya penyampai tetapi juga penghayat atau pengamal prinsip hidup Islam secara total.
  - E. Penganjur persembahan dan khalayak tidak mempunyai kuasa untuk menentukan nilai persembahan seniman dan seniwati.
14. Salah satu dari susunan berikut tidak menjelaskan konsep kebudayaan Islam:
- I. Direkacipta oleh manusia melalui akal budinya dengan bimbingan ajaran Ilahi.
  - II. Semua perlaksanaannya adalah dikawal oleh 'aqidah dan syari'ah.
  - III. Sifatnya tidak boleh menidakkan uniti dan uniformiti.
  - IV. Keindahan berteraskan kebenaran Haqiqi.
  - V. *Al-'Urf* menjadikan amalan tempatan yang tidak bercanggah dengan Islam sebagai hak Islam.
- A. II, IV dan V.
  - B. I, II dan V.
  - C. I, IV dan V.
  - D. I, II dan IV.
  - E. III, IV dan V.

15. Pernyataan manakah yang tidak ada hubungan dengan maksud pembinaan tamaddun?
- A. Kerajaan Melayu Funan yang telah wujud sejak Kurun ke-3 Masehi telah mempunyai sistem pentadbiran beraja yang lengkap.
  - B. Bandar dianggap sebagai petanda kelahiran sesebuah peradaban manusia.
  - C. Kerajaan Islam Patani mempunyai kesinambungan sejarahnya dengan Kerajaan Hindu-Buddha Langkasuka.
  - D. Kemewahan yang dikecapi boleh membawa kepada kukuhnya faham individualisme dan menimbulkan masalah egoisme apabila masyarakat terlepas dari norma-norma yang dibentuk bersama.
  - E. Agama dianggap sebagai pengongkong dan dengan itu tidak perlu di pelihara.
16. Penulis Khatt yang ulong di zaman Nabi Muhammad ialah:
- A. Ibn Al-Bawwab.
  - B. Ibn Muqla.
  - C. Malik Ibn Dinar.
  - D. Ibn 'Ajlan.
  - E. Ali ibn Abu Talib.
17. Berikut adalah pusat pertembungan tamaddun Melayu kecuali:
- A. Gerisek.
  - B. Mataram.
  - C. Betawi.
  - D. Langkasuka.
  - E. Inderagiri.



Soalan-soalan lapan belas (18), sembilan belas (19) dan dua puluh (20) adalah mengenai pernyataan berikut:

- I. Tuhan menyerlahkan wajah/wajah-wajah.
- II. Tuhan menyerlahkan kata-kata.
- III. Tumpuan ketinggian kreativiti kepada pembuatan imej.
- IV. Tumpuan ketinggian kreativiti kepada pengucapan.
- V. Tumpuan kreativiti kepada penulisan kata-kata.
- VI. Tumpuan pembangunan insan kepada pembentukan diri dalaman.
- VII. Perhubungan lelaki-wanita mesti disahkan melalui perkahwinan.
- VIII. Kemajuan sains dan teknologi tidak perlu akur kepada shariat agama.
- IX. Kesejahteraan akhirat sama penting dengan kesejahteraan dunia.
- X. Tarian klasik ada hubungan dengan penghayatan kehidupan beragama.

18. Susunan manakah yang tepat dengan Tamaddun Cina?

- A. I, V, VII dan IX.
- B. I, III, V dan VI.
- C. III, VIII dan IX.
- D. V, VI, VIII dan X.
- E. VI, VII, VIII dan X.

19. Pernyataan manakah yang menjelaskan bahawa terdapat persamaan di antara tamaddun-tamaddun Islam, Cina dan India?
- A. II, IV dan VII.
  - B. VI, VII dan IX.
  - C. V, IX dan X.
  - D. VII, IV dan X.
  - E. III, VI dan IX.
20. Pernyataan manakah yang boleh diidentifikasi dengan tamaddun Barat?
- A. II, IV dan X.
  - B. I, III dan VIII.
  - C. III, IX dan X.
  - D. III, IV dan X.
  - E. VII, IX dan X.
21. Alat-alat muzik yang manakah yang begitu popular di dalam Tamaddun Melayu Champa?
- A. Gitar, seruling, biola, kecapi.
  - B. Seruling, biola, gendang, kecapi.
  - C. Gendang, Kecapi, harmonika, biola.
  - D. Kecapi, violin, gendang, serunai.
  - E. Serunai, gendang, biola, gitar.


22. Pilih pernyataan yang betul.
- A. Islam yang telah menjadi agama rasmi kepada Empayar Melaka telah berjaya meletakkan landasan yang kukuh kepada sistem pentadbiran yang akhirnya membawa kepada berlakunya transformasi sosial di seluruh alam Melayu.
  - B. Undang-undang Melayu Kedah, Melayu Johor, Melayu Melaka adalah di antara undang-undang yang diterima pakai dalam zaman pemerintahan kesultanan Melayu dan undang-undang tersebut tidak ada hubungan dengan penghayatan agama Islam.
  - C. Penubuhan dan perjalanan sekolah-sekolah agama pada zaman awal kerajaan Melayu bertujuan memupuk semangat negara bangsa.
  - D. Konsep pengucapan estetika Melayu seperti yang terdapat dalam bidang-bidang seni persembahan tradisional tidak mempunyai hubungan dengan tamaddun Melayu pra Islam.
  - E. Pemuda-pemuda Champa rasa bertuah sekiranya mereka dapat datang belajar di pusat-pusat pendidikan di Patani, Kelantan dan Terengganu.
23. Salah sebuah dari tulisan berikut tidak pernah menyebut tentang Kerajaan Melayu Campa.
- A. Negarakertagama.
  - B. Hikayat Banjar.
  - C. Salasilah Melayu dan Bugis.
  - D. Hikayat Raja Bersiong.
  - E. Hikayat Hasanuddin
24. Inskripsi kufi yang ditemui di Champa mempunyai persamaan dengan inskripsi kufi yang ditemui di \_\_\_\_\_
- A. Kuala Berang, Terengganu.
  - B. Surabaya, Jawa.
  - C. Langkasuka, Kedah.
  - D. Aceh, Sumatera.
  - E. Sri Wijaya, Sumatera.

25. Pernyataan manakah yang tidak ada hubungan dengan sistem pendidikan pondok klasik?
- A. Pelajarnya terdiri dari dua kelompok, iaitu remaja dan dewasa.
  - B. Kurikulum pelajar dewasa lebih menumpu kepada pembentukan dan peningkatan pemahaman aqidah.
  - C. Semua pelajar mendiri pondok secara bersendirian di kawasan tanah yang diwaqafkan.
  - D. Para pelajar remaja didedahkan kepada sistem peperiksaan anjuran Kementerian Pelajaran.
  - E. Para pelajar datang ke sesebuah pondok pengajian adalah kerana tertarik dengan kemasyhuran ilmu tuan guru.
26. Islam membolehkan masyarakat Melayu mengamalkan kekeluargaan:
- I. Keluarga besar.
  - II. Keluarga Kecil.
  - III. Keluarga tunggal yang disahkan pembentukannya melalui ritual keagamaan.
  - IV. Keluarga percubaan demi mencari persefahaman.
- A. I, II dan IV.
  - B. II, III dan IV.
  - C. I, II, III dan IV.
  - D. I, II dan III.
  - E. I, III dan IV.

Soalan 27 dan 28 adalah mengenai gambar rajah ini:

27. Berikut adalah penjelasan yang tepat mengenai penggunaan ruang dalam rumah Melayu:
- A. Untuk menjaga *privacy* penghuni-penghuninya.
  - B. Memastikan bahawa setiap orang mempunyai bilik yang tersendiri.
  - C. Untuk memberi kesempatan kepada tetamu berkenalan rapat dengan tuan rumah.
  - D. Membolehkan tuan rumah melayan tetamu berdasarkan keperluan tetamu.
  - E. Ruang melambangkan kekayaan keluarga berkenaan.
28. Pembahagian ruang dalam rumah Melayu adalah bertepatan dengan konsep \_\_\_\_\_ dalam konsep rumah Islam.
- A. Hijab.
  - B. Loteng.
  - C. Musyawarah.
  - D. Kebersihan dan kesucian.
  - E. Hospitaliti.

THE MALAY HOUSE:



29. Iklim ekonomi makro dalam Islam menjamin aktiviti dan operasinya berlaku secara sihat serta boleh mencapai keadilan dan kesejahteraan. Faktor apakah yang menjadi pengawal kepada Sistem Ekonomi Islam?
- A. Kawalan kepada sektor perusahaan dan perkhidmatan ditentukan oleh faktor penawaran dan permintaan.
  - B. Faktor kawalan syariat Islam menjadi teras ekonomi yang membentuk polisi dan pelaksanaan operasi ekonomi berjalan secara sah, halal dan adil.
  - C. Faktor permintaan domestik dan keupayaan pengeluaran menentukan aliran ekonomi yang kukuh dan berdaya saing.
  - D. Sektor industri berat dan ringan diberikan penekanan khusus untuk memastikan peningkatan produktiviti.
  - E. Aliran ekonomi yang sihat ditentukan oleh polisi ekonomi negara dan seluruh agensi-agensi ekonomi berjalan dengan baik.
30. Sistem ekonomi Islam menjamin hak-hak golongan bukan Islam dipelihara. Apakah jenis cukai yang diwajibkan ke atas golongan bukan Islam, bagi mengukuhkan Dana Bukan Islam dalam sebuah negara Islam?
- A. Musyarakah.
  - B. Mudarabah.
  - C. Ijarah.
  - D. Zakat.
  - E. Jizyah.
31. Pilih produk kewangan dan harta (dana) yang wujud sejak zaman awal Tamaddun Islam.
- I. Baitul Mal.
  - II. Bank Islam.
  - III. Mudarabah.
  - IV. Ijarah.
  - V. Wadi'ah.

- A. I, II dan III.
  - B. II, III dan IV.
  - C. I, III dan V.
  - D. II, IV dan V.
  - E. I, II, III, IV dan V.
32. Sistem ekonomi Islam memerangi Riba (Interest). Berikan alternatif yang dikemukakan oleh sistem kewangan Islam untuk menggantikan sistem riba.
- A. Mewujudkan produk-produk kewangan bebas riba dalam berbagai sektor kewangan dalam operasi kewangannya.
  - B. Memberikan kelonggaran kepada institusi kewangan sejak dari zaman awal Tamaddun Islam untuk mengamalkan dwi-sistem dalam operasi kewangannya.
  - C. Sistem kewangan Islam mewujudkan dana khas untuk menguasai sumber-sumber kewangan dengan tujuan mengukuhkan aliran kewangan semasa tanpa riba.
  - D. Institusi kewangan Islam memberikan pilihan kepada pelanggan untuk berurusan dengan menggunakan sistem *barter*.
  - E. Institusi kewangan Islam mengukuhkan pelaburan dalam sektor pembuatan supaya menjamin keuntungan yang tinggi bagi mengimbangi tekanan riba.
33. Pernyataan manakah yang tidak menetapi konsep zakat sebagai sumber institusi kebajikan sosial dalam Islam?
- A. Zakat boleh menjadi sumber kekal kepada dana kebajikan.
  - B. Zakat diperkenalkan untuk membentuk sistem kewangan yang mantap.
  - C. Zakat membentuk jalinan bahaya golongan kaya-miskin.
  - D. Zakat menampung keperluan lapan kumpulan sasaran utama.
  - E. Zakat meliputi sektor harta, tabungan, perniagaan dan pertanian.

34. Apakah unsur-unsur asas yang membentuk pandangan semesta Islam (*worldview*) tentang manusia?
- I. Asal dan proses kejadian manusia.
  - II. Status manusia.
  - III. Makna dan hakikat kehidupan.
  - IV. Kemusnahan dan pembalasan.
  - V. Hak dan tanggungjawab manusia.
- A. I, II dan III.
  - B. I, II, III dan IV.
  - C. I, II, III dan V.
  - D. II, III dan V.
  - E. III, IV dan V.
35. \_\_\_\_\_ menjadi teras pembinaan Tamaddun Islam, kerana ia mengikat seluruh sistem kehidupan kepada keyakinan keesaan Allah sebagai Tuhan yang berkuasa ke atas kehidupan.
- A. Sistem akhlak.
  - B. Sistem syariat.
  - C. Al-Quran dan Sunnah.
  - D. Sistem aqidah tauhid.
  - E. Sistem ketuhanan.



36. Manusia memegang berbagai watak dan peranan, sama ada sebagai pembina atau perosak tamaddun. Pada pandangan Islam apakah status manusia yang mesti menjadi pegangan hidup, untuk membolehkan manusia membina kesejahteraan hidup?
- A. Status penjana idea.
  - B. Status khalifah dan imamah.
  - C. Status hamba (°Abdun) dan khalifah.
  - D. Status amanah dan khalifah.
  - E. Status hamba Allah.
37. Anak atau zuriat memerlukan faktor-faktor asas yang boleh menjana penyediaan sumber manusia mulia untuk kesejahteraan dan kesinambungan tamaddun. Apakah faktor-faktor asas tersebut?
- I. Keturunan dan keperibadian ibubapa yang mulia.
  - II. Rezeki yang halal dan suci.
  - III. Sistem pendidikan dalam keluarga.
  - IV. Pendedahan awal yang menyeluruh.
  - V. Pengukuhan faktor-faktor sokongan.
- A. I, II, III dan IV.
  - B. II, III, IV dan V.
  - C. II, IV dan V.
  - D. I, IV dan V.
  - E. I, II dan III.

38. Konsep berpuak dan berkelompok di kalangan masyarakat 'Arab di Madinah sebelum Hijrah adalah melambangkan perpecahan, berbeza dari konsep persaudaraan yang disusun dalam agenda sosial Rasul Allah s.a.w. Berdasarkan pernyataan ini pilih satu agenda terbaik yang telah dilakukan oleh Rasul Allah s.a.w. sesudah baginda berhijrah ke Madinah.
- A. Mengatur ekonomi orang-orang Arab.
  - B. Menyusun kekuatan tentera.
  - C. Membina institusi pendidikan.
  - D. Mengatur kehidupan berkeluarga.
  - E. Mempersaudarakan golongan Muhajirin dan Ansar.
39. Kecemerlangan Islam di Madinah telah terbukti dalam masa yang singkat; justeru itu kekuatan Islam di pelbagai sektor amat menggalakkan. Berdasarkan pernyataan ini berikan faktor-faktor yang mendorong kemajuan Islam di peringkat permulaan Tamaddun Islam.
- I. Wujudnya kerjasama yang kukuh antara Umat Islam.
  - II. Kukuhnya ikatan persaudaraan Islam antara kaum.
  - III. Tidak ada sifat monopoli ekonomi di kalangan warga Madinah.
  - IV. Tidak ada bantuan kewangan daripada warga Madinah untuk Golongan Muhajirin.
  - V. Jalinan persahabatan yang tidak kukuh.
- A. I, II dan IV.
  - B. II, III dan IV.
  - C. II, IV dan V.
  - D. I, II dan III.
  - E. II, IV dan V.

40. Negara Islam yang didukung oleh Nabi Muhammad s.a.w. memiliki beberapa ciri utama khususnya tentang Piagam Madinah; pilih tiga ciri utama yang terdapat di dalam piagam berkenaan.
- I. Al-Qur'an dan al-Sunnah adalah sumber hukum negara.
  - II. Kebebasan bergerak dan tinggal menetap di Madinah.
  - III. Kebebasan mengurus ekonomi menurut zon.
  - IV. Kebebasan beragama untuk semua kaum yang menjadi warga negara.
  - V. Dasar luar negara yang longgar.
- A. I, II dan III.
  - B. II, III dan IV.
  - C. III, IV dan V.
  - D. I, II dan IV.
  - E. II, IV dan V.
41. Pemilihan Khalifah boleh dilakukan secara kekerasan apabila beberapa perkara berikut terjadi.
- I. Kerajaan yang tidak menunaikan janji kepada rakyat.
  - II. Kerajaan yang gagal menjalankan keadilan.
  - III. Cara-cara damai tidak dapat dilaksanakan lagi.
  - IV. Kerajaan yang memerintah lebih daripada 15 tahun.
  - V. Kerajaan yang diketuai seorang yang tidak wara'.
- A. I, II dan III.
  - B. I, III dan IV.
  - C. II, III dan IV.
  - D. II dan III sahaja.
  - E. IV dan V sahaja.

42. Wilayah-wilayah berikut adalah menjadi pilihan Umar al-Khattab semasa beliau menyusun semula pentadbiran wilayah jajahannya. Negeri-negeri berikut ialah:
- A. Madinah, Hijaz, Rom, Parsi dan Iraq.
  - B. Madinah, Mesir, Iraq, Rom dan Parsi.
  - C. Madinah, Hijaz, Syria, Iraq, Mesir dan Palastin.
  - D. Madinah, Makkah, Hijaz, Syam dan Iraq.
  - E. Madinah, Syam, Iraq, Mesir dan Palastin.

43. Salah satu amalan yang digalakkan dalam budaya hidup Islam ialah adat menziarah dengan adab perlaksanaannya seperti yang terdapat di dalam maksud ayat Quran berikut:

“Wahai orang-orang beriman janganlah kamu masuk ke rumah yang bukan rumah kamu sehinggalah kamu memohon izin terlebih dahulu dan memberi salam kepada ahli rumahnya; jika tuannya menyuruh kamu masuk, hendaklah (bolehlah) kamu masuk, jika tidak maka pulanglah kamu ....”

Pilih adat dan adab yang tepat dengan maksud ayat di atas:

- I. Ketika menziarahi rumah seseorang hendaklah dimulai dengan salam meskipun penghuninya bukan Islam.
  - II. Apabila mendapat izin memasuki rumah yang dikunjungi bersegeralah masuk meskipun tidak sempat memberi salam.
  - III. Memberi salam adalah budaya yang amat baik dan digalakkan.
  - IV. Budaya kunjung mengunjung ini terdapat dalam pelbagai rumpun bangsa yang telah menganuti agama Islam; jika budaya itu sesuai dengan ajaran Islam maka Islam dapat menerimanya.
  - V. Menziarahi seseorang perlu melihat waktu yang sesuai, jika orang yang ingin ditemui tidak ada di rumah hendaklah segera kita pulang.
- A. I, II dan III.
  - B. II, III dan IV.
  - C. II dan IV sahaja.
  - D. III dan IV sahaja.
  - E. IV dan V sahaja.

44. Cabaran yang bersifat kontemporari terhadap masyarakat Malaysia di dalam banyak aspek adalah implikasi daripada gejala globalisasi rakus yang membawa maksud:
- A. Paradigma masyarakat Barat menjadi model alternatif tunggal kepada kes masyarakat majmuk seperti Malaysia.
  - B. Masyarakat majmuk Malaysia sudah bersedia untuk menuju kepada masyarakat negara industri yang menjadi *trend* mutakhir negara-negara dunia ketiga.
  - C. Wujudnya unsur dualisme di dalam sistem nilai kehidupan masyarakat Barat yang telah menghasilkan siri wacana intelektual yang berterusan sehingga kini.
  - D. Timbulnya situasi kontradiksi yang ketara di antara sistem epistemologi dan aksiologi di dalam masyarakat yang tercerna melalui istilah-istilah seperti '*knowledgeable barbarian*' (bajingan berpengetahuan) atau '*skilled barbarian*' (bajingan berkemahiran).
  - E. Usaha secara halus (*reverse psychology*) untuk campurtangan pimpinan masyarakat Barat di dalam masalah dalaman sesebuah negara dunia ketiga.
45. Berikut beberapa kenyataan yang tidak berkaitan dengan matlamat dan hala tuju di dalam sistem pendidikan seperti yang disebut oleh Paulo Freire, kecuali:
- A. Proses peningkatan guna tenaga mahir dan pembangunan industri yang tidak seimbang.
  - B. Proses peningkatan kesedaran diri insan secara bersepadu.
  - C. Pendekatan kualitatif menjadi asas utama kepada pendekatan kuantitatif di dalam proses sistem pendidikan.
  - D. Penekanan kepada kurikulum 'multi inter-disiplinary' di peringkat sekolah menengah atas adalah sejajar dengan fitrah manusia yang hakikatnya bersifat kepelbagaian citarasa dan kemampuan.
  - E. Perlaksanaan dasar Reformasi Pendidikan 1979.

46. Paulo Freire di dalam bukunya, '*Pedagogy of the Oppressed*' menyebutkan matlamat dan halatuju sistem pendidikan (seperti yang dimaksudkan di dalam soalan 45) berhubung rapat dengan satu proses yang diistilahkan sebagai \_\_\_\_\_.
- A. *Conscientizationalisme.*
  - B. *Conceptualization.*
  - C. *Consizetization.*
  - D. *Conscientization.*
  - E. *Conscientisme.*
47. Perjanjian Pangkor yang ditandatangani pada 1874 telah menjadi faktor pendorong terpenting kepada pelaksanaan dasar kolonialisme British di Tanah Melayu yang dapat dirumuskan seperti berikut, kecuali:
- A. British memerlukan tenaga buruh tempatan yang ramai untuk membina jalan keretapi utama ke Thailand dan India.
  - B. British memerlukan bahan mentah untuk keperluan Revolusi Perusahaan di Britain.
  - C. British melancarkan promosi agresif terhadap barang-barang keluaran industri di Britain.
  - D. Pelaksanaan 'Sistem Residen' secara menyeluruh dan berperingkat.
  - E. Parti Konservatif menjalankan dasar campur tangan.
48. Apakah ciri-ciri persamaan tempat-tempat berikut:  
Kan-t'o-li, Srivijaya, Melaka, Aceh.
- I. Penempatan-penempatan Melayu yang dipengaruhi agama Hindu-Buddha.
  - II. Penempatan-penempatan Melayu zaman pra-kolonial.
  - III. Pusat-pusat perdagangan dan politik.
  - IV. Kerajaan-kerajaan pesisir yang mengawal laluan Selat Melaka.

- A. Semua ciri-ciri di atas.
- B. I dan IV sahaja.
- C. I, III dan IV.
- D. II dan III sahaja.
- E. I dan II sahaja.
49. Artifek-artifek berikut adalah di antara warisan kerajaan Melayu Srivijaya yang paling jelas.
- A. Candi dan Biara-biara.
- B. Tulisan-tulisan di atas daun lontar, daun tal dan buluh.
- C. Prasasti-prasasti atau batu-batu bersurat.
- D. Ukiran-ukiran timbul, seni pahatan di dinding-dinding candi.
- E. Kesusasteraan Melayu dalam tulisan *pallava*.
50. Berikut adalah perubahan-perubahan yang ketara yang dibawa oleh Islam ke negeri-negeri Melayu, kecuali:
- I. Satu agama yang bersifat *monotheist*
- II. Tradisi ilmu pengetahuan yang mementingkan aspek-aspek rasionalisme atau akliah.
- III. Penggunaan bahasa Melayu sebagai *lingua-franca*.
- IV. Satu ideologi politik yang berteraskan prinsip-prinsip Islam.
- A. I dan IV sahaja.
- B. I, II dan III.
- C. I, III dan IV.
- D. III dan IV sahaja.
- E. Semua di atas adalah berkenaan.

51. Pilih pernyataan-pernyataan yang bukan termasuk sebagai fenomena budaya yang berlaku di tahap zaman transisi Hindu-Islam di Nusantara.
- I. Kesusasteraan yang dihasilkan mempunyai perhubungan erat dengan perkembangan literasi Islam.
  - II. Kesusasteraan yang berunsur Hindu-Buddha disisihkan dan diganti dengan kesusasteraan dari warisan Arab-Farsi.
  - III. Pertembungan budaya Hindu-Islam mengakibatkan lahirnya karya-karya Melayu sintesis.
  - IV. Aktiviti tulisan telah melahirkan budaya manuskrip yang melibatkan perawi, pujangga dan ulama dari golongan istana.
- A. II dan IV sahaja.
  - B. I, II dan IV.
  - C. II dan III sahaja.
  - D. II, III dan IV.
  - E. I, II dan III.
52. Kumpulan budaya-bangsa yang digolongkan sebagai Pribumi di Malaysia ialah:
- A. Anak watan yang bermastautin di dalam wilayah negara Malaysia yang beragama Islam dan menggunakan bahasa Melayu atau bahasa-bahasa dari rumpun Melayu sebagai bahasa ibunda.
  - B. Anak watan asal atau natif dari golongan orang Melayu, Orang Asli dan semua suku-suku budaya bangsa di Sabah dan Sarawak yang berasal dari wilayah Nusantara.
  - C. Anak warga kelompok etnik yang berasal dari mana-mana wilayah Nusantara dan berhijrah untuk bermastautin secara tetap di mana-mana wilayah di Semenanjung, Sabah atau Sarawak sebelum tertubuhnya Malaysia.
  - D. Semua warga kelompok budaya atau etnik yang disenaraikan dalam Akta Malaysia 134, Akta Orang Asli 1954 (Pindaan 1974) dan Akta 154.
  - E. Semua warga negara yang bertaraf "bumiputra" mengikut penetapan Perlembagaan Malaysia.



53. Dalam Perlembagaan Malaysia, istilah "Orang Asli" merujuk kepada:
- A. Kumpulan masyarakat pribumi yang bermastautin di semenanjung di pinggir hutan dan menjalankan kegiatan saradiri secara berhuma.
  - B. Semua kumpulan pribumi di Semenanjung dari suku bangsa Negrito, Senoi dan Melayu-Proto.
  - C. Kumpulan dari suku bangsa minoriti yang bukan Melayu yang bermastautin di Semenanjung, Sabah dan Sarawak yang pernah bernaung di bawah pemerintahan kerajaan Melayu tradisional.
  - D. Semua kumpulan masyarakat yang berasal dari kepulauan Melayu.
  - E. A dan B.
54. Kumpulan \_\_\_\_\_ ialah antara kumpulan Orang Asli yang terkecil di Semenanjung:
- A. Semai.
  - B. Senoi.
  - C. Negrito (Semang)
  - D. Kanaq.
  - E. Kensiu.
55. Orang Asli dari suku Kensiu, Jahai, Lanoh, Bateq, Kintak-Bong dan Mendriq ialah dari suku kumpulan:
- A. Semai.
  - B. Melayu Asli.
  - C. Negrito (Semang)
  - D. Senoi.
  - E. Austronesia.

56. Mengikut klasifikasi bahasa, semua bahasa kumpulan Orang Asli tergolong dalam rumpun bahasa:
- A. Austronesia: Malayo-Polynesia.
  - B. Austroasiatic: Mon-Khmer.
  - C. Sino-Tibetan: Shan.
  - D. Malayo-polinesia: Sama.
  - E. Austroasiatik: Proto-Malay.
57. Di Sarawak, pribumi adalah warganegara Malaysia yang tergolong dalam salah satu kumpulan etnik berikut:
- A. Iban, Bidayuh, Melayu, Melanau.
  - B. Bajau, Ilanun, Rungus, Kadazan, Dusun, Penan, Kelabit, Dayak.
  - C. Melayu, Bangi, Tenom, Bugis, Melanau, Buton.
  - D. Murut/Lun Bawang, Kenyah, Kelabit, Kayan, Kedayan, Bisayah, Punan, Penan dan kumpulan kecil lain.
  - E. A dan D.
58. Antara kumpulan pribumi yang masih menjalankan sistem ekonomi saradiri secara "meramu-memburu" (*hunting and gathering*):
- A. Orang Penan dan Banggi.
  - B. Orang Jakun, Orang Temuan dan Semoq Beri.
  - C. Semua kumpulan dari suku bangsa Negrito (Semang).
  - D. A dan C.
  - E. B dan C.

59. Umumnya sistem ekonomi tradisional semua kaum pribumi Malaysia berbentuk sistem ekonomi semulajadi, iaitu sistem ekonomi yang:
- A. Mengeluarkan barangan hasil dari usaha pertanian dan ternakan dan barangan tersebut digunakan secukupnya dan yang baki dijual atau ditukar melalui pasaran.
  - B. Berasaskan pengeluaran dari sumber semulajadi dan berjadual mengikut sistem kepercayaan dan agihan rangkatusas berdasarkan sistem kekeluargaan.
  - C. Berasaskan satu tahap pembentukan sosial di mana pengeluaran dilakukan untuk memenuhi keperluan pengeluar semata-mata dan bukan untuk tujuan untuk membentuk atau mengujudkan nilai tukaran (*exchange value*).
  - D. Mengutamakan pengeluaran bahan makanan asas berasaskan pertanian berbagai secara kekal (*permanent horticulture*) dan tertumpu kepada pengeluaran kanji dari padi sawah, sugu dan ubi-ubian.
  - E. Mengusahakan pengeluaran dari pertanian dan pungutan bahan semulajadi tanpa menggunakan teknologi moden.
60. Semua kumpulan pribumi Malaysia pernah dan ada yang masih mengamalkan sistem pertanian huma secara berpindah, kecuali kumpulan berikut:
- A. Melayu, Melanau, dan semua kumpulan Orang Asli dari suku bangsa Semang.
  - B. Kadazan, Iban, Kayan dan Kenyah.
  - C. Orang Ma'betisek, Melayu-proto, dan Thai sam-sam.
  - D. Senoi di semenanjung dan orang-orang Dusun di Sabah.
  - E. Semua di atas.

61. Sistem pertanian huma yang diamalkan oleh kumpulan Iban, Kayan dan Kenyah di Sarawak ialah:
- A. Amalan pertanian yang berpindah dan memilih jenis tanaman mengikut jadual cuaca.
  - B. Amalan pertanian yang menumpukan pada pertanian padi bukit yang diselang-seli dengan tanaman kontan.
  - C. Pertanian yang bercampur ternakan berpindah.
  - D. Amalan pertanian sementara yang menggunakan tanah bekas tebingan hutan yang disediakan melalui pembakaran.
  - E. Amalan tanaman padi bukit yang berselang-seli dengan sawah.
62. Semua kaum pribumi Malaysia mengamalkan sistem kepimpinan di peringkat tempatan dengan melantik pemimpin berasaskan:
- A. Pilihan ramai secara undian terbuka.
  - B. Penetapan secara keturunan pada jawatan yang ditetapkan seperti penghulu, batin, tua rumah atau ketua.
  - C. Pilihan secara konsensus (bermuafakat) di kalangan ahli masyarakat yang berpengaruh.
  - D. Agihan kuasa kepada individu tertentu mengikut kepandaian dan kebolehan dan keturunan.
  - E. Semua di atas.

Untuk menjawab soalan 63 dan 64, sila tumpukan perhatian anda kepada pernyataan-pernyataan berikut:

- I. Konsep *ren* (atau *jen*) melibatkan perasaan simpati terhadap penderitaan manusia yang lain.
  - II. Konsep *ren* (atau *jen*) melibatkan konsep *xiao* (atau *hsiao*), dan *xiao* merujuk kepada tanggungjawab seorang anak terhadap ibu dan bapanya.
  - III. Konsep *ren* (atau *jen*) melibatkan sikap berperikemanusiaan.
  - IV. Mengikut Mencius (atau Mengzi) sifat *ren* (atau *jen*) berkembang dari dorongan atau perasaan asas manusia.
  - V. Sifat *ren* (atau *jen*) melibatkan fakulti penaakulan manusia sahaja, dan bukan nafsu atau perasaan asas manusia.
  - VI. Sifat *ren* (atau *jen*) melibatkan sifat *yi* (atau *i*), dan *yi* merujuk kepada sikap keadilan.
63. Antara I hingga VI yang tersebut di atas, pernyataan yang manakah yang merupakan pernyataan **BENAR**?
- A. I, II, III dan VI.
  - B. I, II, III, IV dan VI.
  - C. I, III, IV dan VI.
  - D. I, II, III dan V.
  - E. Tiada pernyataan yang benar.
64. Antara I hingga VI yang tersebut di atas, pernyataan yang manakah yang merupakan pernyataan **TIDAK BENAR**?
- A. IV dan V sahaja.
  - B. V sahaja.
  - C. IV sahaja.
  - D. I, II, III dan V.
  - E. Tiada pernyataan yang tidak benar.

.../30

Untuk menjawab soalan 65 dan 66, sila tumpukan perhatian anda kepada pernyataan-pernyataan berikut:

- I. Mencius (atau Mengzi) mempercayai bahawa manusia mempunyai sifat semulajadi yang baik.
- II. Mencius (atau Mengzi) hanya memberikan perhatian kepada falsafah moral, dan beliau tidak memberi tumpuan sama sekali kepada falsafah politik.
- III. Mencius (atau Mengzi) mempercayai bahawa dorongan dan perasaan kasihan, malu, dukacita, dan hormat merupakan sebahagian daripada sifat semulajadi manusia.
- IV. Mencius (atau Mengzi) mempercayai bahawa keinginan untuk hidup dalam sebuah masyarakat merupakan sebahagian daripada sifat semulajadi manusia.
- V. Mencius (atau Mengzi) mempercayai bahawa sifat semulajadi manusia (termasuk perasaan kasihan, malu, dukacita, hormat, dan lain-lain lagi) membezakan manusia daripada binatang-binatang seperti lembu dan burung.

65. Antara I hingga V yang tersebut di atas, pernyataan yang manakah yang merupakan pernyataan **BENAR**?

- A. I, II dan III.
- B. I, III, IV dan V.
- C. I, III dan V.
- D. I dan III sahaja.
- E. Tiada pernyataan yang benar.

66. Antara I hingga V yang tersebut di atas, pernyataan yang manakah yang **TIDAK BENAR**?

- A. II dan IV sahaja.
- B. IV sahaja.
- C. II sahaja.
- D. II, IV dan V.
- E. Tiada pernyataan yang tidak benar.

Untuk menjawab soalan 67 dan 68, sila tumpukan perhatian anda kepada pernyataan-pernyataan berikut:

- I. Perkataan untuk sifat *ren* (atau *jen*) merupakan cantuman antara perkataan untuk seorang manusia (*ren*) dengan perkataan untuk angka dua (*erh*).
- II. Sifat *yi* (atau *i*) melibatkan perbuatan yang dilakukan untuk nilainya (dan ia bukan dilakukan untuk mencapai sesuatu tujuan atau objektif).
- III. Jika saya menolong seorang yang menderita hanya untuk memenuhi kewajipan saya, dan saya tidak berasa simpati atau kasihan terhadap orang yang menderita itu, maka perbuatan saya melibatkan sifat *yi* tetapi tidak melibatkan sifat *ren*.
- IV. Sifat *yi* (atau *i*) semestinya melibatkan sifat *ren* (atau *jen*).
- V. Seorang *junzi* (atau *chu tzu*) yang berpelajaran tinggi harus mempunyai kedua-dua sifat *yi* dan *ren*.

67. Antara I hingga V yang tersebut di atas, pernyataan yang manakah yang merupakan pernyataan **BENAR**?

- A. I, II dan III sahaja.
- B. I, II, III, IV dan V.
- C. I, II, III dan V.
- D. I, III, IV dan V.
- E. Tiada pernyataan yang benar.

68. Antara I hingga V yang tersebut di atas, pernyataan yang manakah yang **TIDAK BENAR**?

- A. IV sahaja.
- B. III sahaja.
- C. III dan IV sahaja.
- D. II, III dan IV.
- E. Tiada pernyataan yang tidak benar.

Untuk menjawab soalan 69 dan 70, sila tumpukan perhatian anda kepada pernyataan-pernyataan berikut:

- I. Catan lanskap Cina yang dihasilkan pada dan selepas Dinasti Song (atau Sung) dipengaruhi oleh pemikiran dan falsafah Daoisme.
- II. Lukisan Cina yang dipengaruhi oleh fahaman Daoisme dan Budhisme Chan (atau Zen) mementingkan penghasilan imej-imej yang tepat.
- III. Lukisan dan catan Cina yang tradisional tidak menggunakan teknik perspektif satu hala.
- IV. Pelukis Cina yang tradisional akan memberikan perhatian kepada gerakan berus, kerana sebuah catan yang mempunyai gerakan berus yang tidak bernyawa, tidak hidup, tidak bergerak, dan kaku akan dianggap sebagai catan yang tidak mempunyai *qi* (atau *ch'i*).

69. Antara I hingga IV yang tersebut di atas, pernyataan yang manakah yang **BENAR**?

- A. I dan IV sahaja.
- B. I, III dan IV.
- C. I dan III sahaja.
- D. I, II, III dan IV.
- E. Tiada pernyataan yang benar.

70. Antara I hingga IV yang tersebut di atas, pernyataan yang manakah **TIDAK BENAR**?

- A. II dan III sahaja.
- B. II sahaja.
- C. III sahaja.
- D. II, III dan IV.
- E. Tiada pernyataan yang tidak benar.



71. Pernyataan-pernyataan di bawah menerangkan dengan tepat konsep *yin* dan *yang* dan Lima Unsur (*wu-hsing*).
- I. *Yin* merujuk kepada sifat-sifat kebetinaan dan *yang* merujuk kepada sifat-sifat kejantanan.
  - II. *Yin* dan *yang* ialah dua sifat asas yang berlawanan tetapi perlu memerlui dan lengkap melengkapi antara satu sama lain.
  - III. Antara perkara-perkara yang boleh disenaraikan sebagai *yang* ialah api, lembu jantan, langit, bulan dan kecerahan.
  - IV. Lima Unsur atau *Wu-hsing* terdiri daripada Tanah, Api, Air, Angin, dan Kayu.
  - V. Orang Cina tradisional mempercayai bahawa kekuasaan salah satu daripada Lima Unsur asas alam ke atas yang lain-lain tidaklah kekal tetapi akan beransur-ansur lemah dan akhirnya ia akan dikuasai oleh unsur yang lain.
- A. I, II, III dan IV.
  - B. II, III, IV dan V.
  - C. I, III, IV dan V.
  - D. I, II dan V.
  - E. III, IV dan V.
72. Pernyataan-pernyataan yang manakah yang tepat menerangkan tentang Kungfutzuisme?
- I. Kungfutzuisme diasaskan oleh seorang yang bergelar Kungfutzu yang hidup dalam zaman Cun-Ciu.
  - II. Kungfutzuisme mengutamakan kasih sayang sejagat agar keadaan harmoni dapat dipulihkan di kalangan manusia.
  - III. Kungfutzuisme amat mengambil berat tentang *siao* (*xiao*) yakni penghormatan orang yang muda terhadap orang yang tua.
  - IV. *Ceng-ming* dalam Kungfutzuisme bermaksud bertindak atau menjalankan peranan selaras dengan kedudukan dalam masyarakat.
  - V. Kungfutzuisme amat mementingkan upacara dan menganggap muzik sebagai melalakan.

- A. I, II, III dan IV.
- B. II, III, IV dan V.
- C. I, III dan IV.
- D. II, IV dan V.
- E. I, II dan V.

73. Pernyataan-pernyataan yang manakah yang menepati ajaran Mo Ti?

- I. Peperangan adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan dan serangan hendaklah segera anda lancarkan sebelum anda diserang.
  - II. Upacara pengebumian si mati janganlah dilakukan secara besar-besaran dan perkabungan kerana kematian janganlah keterlaluan sehingga menyebabkan terjadinya pembaziran.
  - III. Muzik menepati kehendak naluri manusia dan kerana itu perlu digalakkan.
  - IV. Sememangnya wujud *tian* dan semangat yang manusia boleh berhubung untuk mendapat restu dan bantuan.
  - V. Rakyat dan pengikut hendaklah sentiasa mematuhi dan menyamakan perasaan dan kehendak mereka dengan perasaan dan kehendak raja dan pemimpin.
- A. I, II, III, IV dan V.
  - B. I, III, IV dan V.
  - C. II, III, IV dan V.
  - D. II, IV dan V.
  - E. I, III dan IV.

74. Pernyataan yang manakah yang tidak tepat tentang Taoisme?
- I. Antara kitab-kitab utama aliran Tao ialah *Tao Te Ching*, *Li Ci*, dan *Chuang Tzu*.
  - II. Taoisme mengajar manusia menyebatkan dirinya dengan alam dan tidak memandai-mandai mengada-adakan nilai-nilai yang boleh menimbulkan masalah dalam hubungan sesama manusia,
  - III. Taoisme percaya bahawa kehidupan manusia ini adalah menurut aturan *tao* dan kerana itu manusia tidak sepatutnya bersedih apabila menemui kematian.
  - IV. Berpandukan konsep *wu-wei* yang bermaksud “tanpa tindakan” penganut-penganut Tao berserah bulat-bulat kepada perjalanan alam dan tidak menyumbang sesuatu yang baru kepada peradaban Cina kecuali aliran pemikiran mereka yang boleh dikatakan ketinggalan zaman itu.
  - V. Oleh kerana ajaran Taoisme bercanggah dengan ajaran Kungfutzisme ia tidak pernah direstui atau diiktiraf oleh kerajaan Cina.
- A. I, III, IV dan V.
  - B. I, IV dan V.
  - C. II, III, IV dan V.
  - D. II, III dan IV.
  - E. III, IV dan V.
75. Pernyataan-pernyataan yang manakah yang tidak menerangkan tentang aliran Kanun?
- I. Aliran Kanun adalah aliran tersendiri yang pandangan-pandangannya semuanya bercanggah dengan pandangan aliran-aliran lain.
  - II. Berteraskan pandangan bahawa manusia sememangnya bersifat semula jadi mementingkan diri sendiri, aliran Kanun menyarankan pelaksanaan hukuman yang keras agar manusia tidak melakukan kesalahan.
  - III. Aliran Kanun menegaskan bahawa hanya dengan kewujudan dan pelaksanaan *fa* atau undang-undang sesebuah negara itu akan menjadi kuat dan peraturan hidup bernegara dapat ditegakkan.
  - IV. Dengan berpandukan aliran Kanun kerajaan Cin di bawah pimpinan Shih Huang Ti telah berjaya menakluk seluruh Cina pada 221 SM.
  - V. Aliran Kanun menegaskan bahawa tiada sesiapa pun yang tidak tertakluk kepada undang-undang kecuali keluarga diraja.

- A. I, III dan V.
  - B. II, III dan IV.
  - C. III, IV dan V.
  - D. I, II, III dan IV.
  - E. I, II, IV dan V.
76. Kesankan pernyataan-pernyataan yang benar daripada pernyataan-pernyataan di bawah.
- I. Kerajaan Hsia yang dikatakan wujud sebelum Syang mewakili zaman peralihan daripada zaman batu kepada zaman logam.
  - II. Antara perkara-perkara penting yang berlaku dalam zaman Syang ialah permulaan tulisan Cina, penggunaan logam besi, dan penggunaan kereta kuda dalam kehidupan.
  - III. Orang-orang Syang sudah ada kepercayaan tentang kehidupan setelah kematian dan para pemerintah Syang telah menggunakan takwim dalam kehidupan seharian mereka.
  - IV. Yang Syao, Lung Syan dan Hsiao Tun adalah maharaja-maharaja awal Cina sebelum munculnya kerajaan Syang.
  - V. Kerajaan Cou yang muncul setelah Syang tidak banyak mengemukakan perkara baru tetapi sebaliknya hanya meneruskan dan memperkembangkan sahaja tradisi Syang.
- A. I, III dan V.
  - B. I, II dan IV.
  - C. II, III, IV dan V.
  - D. III, IV dan V.
  - E. I, II, III dan IV.

77. Gabungan pernyataan-pernyataan yang manakah yang paling lengkap menerangkan tentang zaman Cou?
- I. Sistem pemerintahan feodal yang telah diamalkan wangsa Cou telah diteruskan oleh kebanyakan wangsa Cina selepas Cou.
  - II. Pada zaman akhir Cou wujud satu tempoh kegawatan politik yang panjang yang dikenali sebagai zaman Cun-Ciu dan Can Kuo.
  - III. Satu ciri penting zaman akhir Cou ialah terjadinya gerak tingkat sosial dan gerak tempat manusia yang amat rancak akibat peperangan yang berterusan.
  - IV. Satu perkembangan penting yang terjadi pada zaman akhir Cou ialah berkembangnya kegiatan perdagangan dan penggunaan wang dalam kehidupan masyarakat Cina waktu itu.
  - V. Zaman akhir Cou juga menyaksikan perubahan dalam sistem nilai orang Cina; kini tingkah laku dan keupayaan diri lebih diutamakan daripada darah dan keturunan semata-mata.
- A. I, II, III, IV dan V.
  - B. I, II, III dan IV.
  - C. II, III, IV dan V.
  - D. I, III dan IV.
  - E. II, III dan V.

78. Gabungan pernyataan-pernyataan yang manakah yang paling lengkap menerangkan tentang wangsa Cin (221-206 SM)?

- I. Cin (221-206 SM) adalah sebuah kerajaan yang benar-benar berasal daripada orang Cina tulen pada zaman Cou dan sempena ketulenannya itulah maka manusia dan negara yang muncul di lembah Huangho itu dikenali oleh orang luar sebagai "Cina".
  - II. Langkah terpenting yang telah dilakukan oleh kerajaan Cin ialah memecahkan Cina kepada wilayah-wilayah pentadbiran yang diketuai gabenor-gabenor yang dilantik Maharaja.
  - III. Peristiwa pembakaran buku pada 213 SM membuktikan betapa bersungguh-sungguhnya kerajaan Cin berusaha mengawal pemikiran dan kegiatan menulis dan membaca di kalangan rakyatnya.
  - IV. Berpandukan slogan "Tentera kuat, rakyat gagah" kerajaan Cin telah meluaskan jajahan takluknya hingga melewati lembah Sungai Yangze.
  - V. Satu langkah penting kerajaan Cin yang terus meninggalkan kesan sehingga ke hari ini ialah penyatuan tulisan bahasa Cina oleh Perdana Menterinya Li ssu.
- A. I, II, III, IV dan V.
  - B. II, III, IV dan V.
  - C. III, IV dan V.
  - D. I, II, IV dan V.
  - E. II, III dan V.

79. Gabungan pernyataan yang manakah yang paling tepat dan lengkap menerangkan tentang wangsa Han?
- I. Han adalah wangsa yang paling gemilang dalam sejarah Cina. Kerana sumbangannya yang besar kepada perdaban Cina dalam sepanjang lebih empat kurun pemerintahannya yang tidak pernah putus-putus itulah maka orang Cina menamakan diri mereka sebagai orang "Han".
  - II. Kerajaan Han diasaskan oleh seorang anak petani yang terlibat dalam kerja-kerja kerah semasa pemerintahan Cin.
  - III. Liu Pang, pengasas wangsa Han telah mengembalikan keamanan di Cina apabila beliau mengamalkan pemerintahan yang sederhana yang mengambilkira kepentingan kebanyakan orang Cina pada zamannya.
  - IV. Antara perkembangan penting dalam zaman Han ialah penulisan semula dengan banyaknya kitab-kitab lama dan perasmian Kungfutzisme sebagai pemikiran dan panduan rasmi negara Cina.
  - V. Han Wu-ti ialah Maharaja Han yang paling berkuasa. Pada zamannyalah Kungfutzisme diamalkan dengan sepenuhnya.
- A. I, II, III, IV dan V.
  - B. I, II, III dan IV.
  - C. II, III, IV dan V.
  - D. I, III, IV dan V.
  - E. II, III dan IV.

80. Gabungan pernyataan-pernyataan yang manakah yang paling lengkap dan tepat menerangkan tentang zaman Tang?
- I. Zaman Tang (618-906 TM) menyaksikan pertembungan berdepan antara peradaban dan kuasa politik Cina dengan peradaban dan kuasa politik Islam yang sedang muncul di sebelah barat Asia.
  - II. Pada zaman inilah masuknya agama Islam dan Kristian ke Cina dan bermulanya komuniti dan organisasi agama-agama itu di negara tersebut.
  - III. Satu perkembangan penting dalam zaman Tang ialah bertambah kukuh dan mantapnya pelaksanaan sistem peperiksaan awam yang terus diamalkan di Cina tradisional selepas itu.
  - IV. Dalam hal penulisan, Tang gemilang dalam bidang puisi dan terkenal dalam bidang penulisan sejarah.
  - V. Antara sumbangan penting kerajaan Tang ialah pengwujudan badan pengawas yang memastikan keluhuran dan kelancaran pentadbiran seluruh negara.
- A. I, II, III, IV dan V.
  - B. I, II, III dan IV.
  - C. II, III, IV dan V.
  - D. I, III, IV dan V.
  - E. I, II dan V.



81. Gabungan yang manakah yang mempunyai pernyataan yang benar?
- I. Wangsa Sung telah menyatukan semula seluruh Cina setelah berlakunya perpecahan ekoran kejatuhan kerajaan Tang pada awal abad ke-10 M.
  - II. Pada zaman wangsa Yuan yang ditegakkan orang Mongol negara Cina menjadi amat terbuka dan orang-orang asing telah memainkan peranan penting dalam pemerintahan negara Cina.
  - III. Satu sumbangan penting orang Mongol terhadap pemerintahan Cina ialah pengasasan Beijing sebagai pusat pentadbiran dan ibu negara Cina.
  - IV. Kerajaan Yuan mengamalkan dasar diskriminasi terhadap orang-orang Cina dan tidak pernah melaksanakan sistem peperiksaan awam Cina.
  - V. Yuan dapat dianggap sebagai kerajaan yang bertanggung jawab menanggukkan dasar dan amalan "tutup pintu" Cina terhadap dunia luar.
- A. I, II, III, IV dan V.
  - B. I, II, III dan IV.
  - C. II, III, IV dan V.
  - D. I, II, III dan V.
  - E. II, III dan V.

82. Nyatakan gabungan pernyataan-pernyataan yang tepat.
- I. Dalam susunlapis masyarakat Cina zaman kemaharajaan golongan terpelajar atau *shih* berada pada kedudukan yang tertinggi.
  - II. Oleh kerana mereka dianggap termasuk dalam golongan *yin* orang perempuan Cina dilarang daripada menyertai peperiksaan awam yang dianjurkan pemerintah Cina tradisional.
  - III. Dalam sepanjang-panjang sejarah Cina tradisional golongan tukang (*kuang*) dan peniaga (*syang*) sentiasa dilarang daripada mengambil peperiksaan awam.
  - IV. Sungguhpun wanita dilarang daripada terbabit dalam hal ehwal politik dan pentadbiran, wanita Cina telah beberapa kali menerajui kepimpinan politik negara itu.
  - V. Golongan kembiri memainkan peranan yang penting dalam istana-istana Cina kerana semua mereka terdiri daripada kalangan terpelajar.
- A. I, II, III dan IV.
  - B. II, III, IV dan V.
  - C. III, IV dan V.
  - D. I, II dan IV.
  - E. I, II, III dan V.

83. Nyatakan gabungan pernyataan yang semuanya benar.
- I. Sebelum agama Buddha masuk ke Cina orang Cina tidak mempunyai sebarang bentuk kepercayaan terhadap kehidupan setelah kematian. Mereka cuma percaya adanya *tian* dan kuasa-kuasa ghaib yang lain yang perlu mereka sembah untuk mendapatkan kebaikan.
  - II. Agama Buddha berkembang pesat di Cina pada zaman kacau-bilau sebelum kemunculan kerajaan Sui pada akhir abad keenam Masihi.
  - III. Kerajaan-kerajaan tradisional Cina umumnya bersikap terbuka terhadap kepercayaan dan amalan agama kecuali apabila ia menjejaskan kepentingan politik pemerintah atau mengancam kehendak-kehendak sosial berlandaskan Kungfutzisme.
  - IV. Agama Islam mula berkembang di Cina pada zaman Tang dan para sarjana Islam pernah terbabit dalam penyusunan takwim dan pembinaan peralatan kaji bintang di Cina.
  - V. Agama Buddha, agama Islam dan Taoisme umumnya dinamakan para pengkaji sebagai "Tiga agama bagi Cina".
- A. I, II, III dan IV.
  - B. II, III, IV dan V.
  - C. II, III dan IV.
  - D. III, IV dan V.
  - E. I, II dan V.

84. Gabungan pernyataan-pernyataan yang manakah yang memperjelaskan keunikan peradaban Cina?
- I. Antara peradaban yang paling tua di dunia.
  - II. Paling berkesinambungan dalam sejarah tamaddun manusia.
  - III. Paling jelas dapat mempertahankan sifat-sifat keasliannya.
  - IV. Paling setia mencatatkan peristiwa yang berlaku untuk tatapan generasi masa depan.
  - V. Paling tegar dengan kesedaran tentang jati diri.
- A. I, II, III, IV dan V.
  - B. I, II, III dan IV.
  - C. II, III, IV dan V.
  - D. I, III, IV dan V.
  - E. I, II, III dan V.
85. Bahan-bahan ini mula ditemui atau dicipta di Cina.
- I. Kertas.
  - II. Serbuk letupan.
  - III. Magnet.
  - IV. Mesin cetak.
  - V. Mesin memintal benang.
- A. I, II, III, IV dan V.
  - B. I, II, III dan IV.
  - C. II, III, IV dan V.
  - D. I, II, III dan VI.
  - E. I, III, IV dan V.

86. Kitab-kitab ini telah dikarang pada zaman Cou.
- I. *Shih Ci.*
  - II. *Tung Tian.*
  - III. *Shu Jing.*
  - IV. *Shih Jing.*
  - V. *Cung Yung.*
- A. I, II, III dan IV.
  - B. II, III, IV dan V.
  - C. I, III dan V.
  - D. III, IV dan V.
  - E. II, III dan IV.
87. Tiga zaman terpenting dari segi kemasukan pengaruh dari China ke Jepun ialah:
- I. Nara.
  - II. Heian.
  - III. Kamakura
  - IV. Muromachi.
  - V. Azuchi-Momoyama.
- A. I, II dan V.
  - B. I, III dan V.
  - C. I, II dan III.
  - D. II, III dan IV.
  - E. III, IV dan V.

88. Sebelum abad ke-13 bandar-bandar berikut menjadi pusat utama bagi tamaddun Jepun.
- I. Yamato.
  - II. Nara.
  - III. Kyoto.
  - IV. Kamakura.
  - V. Sakae.
- A. I, II, III, IV dan V.
  - B. I, II, III dan V.
  - C. II, III, IV dan V.
  - D. I, II dan III.
  - E. I dan V sahaja.
89. Zaman Yayoi dikaitkan dengan perkara berikut:
- I. Kemasukan pengaruh China.
  - II. Bermulanya pertanian padi.
  - III. Bermulanya tamaddun yang berasaskan padi (beras).
  - IV. Kemunculan bangsa Jepun yang homogen.
  - V. Wujudnya kerajaan di Yamato.
- A. I, II, III, IV dan V.
  - B. I, II dan III.
  - C. II, III dan IV.
  - D. I, III, IV dan V.
  - E. I dan V sahaja.

90. Kemasukan pengaruh China membabitkan perkara berikut:
- I. Budhisme, Konfucianisme, Taoisme.
  - II. Undang-undang dan pentadbiran kerajaan.
  - III. Senibena, muzik, ukiran dan teknologi.
  - IV. Proses penyesuaian serta penggabungannya dengan unsur Jepun.
  - V. Agama Shinto.
- A. Semua di atas.
- B. I, II, III dan IV.
- C. I dan V sahaja.
- D. II, III, IV dan V.
- E. II dan III sahaja.
91. Di antara 1588 hingga 1867 ciri utama tamaddun Jepun adalah seperti berikut:
- I. Pertumbuhan tamaddun bandar akibat kepesatan pertumbuhan ekonomi dan proses perbandaran.
  - II. Kemasukan pengaruh agama Kristian seperti percetakan, lukisan minyak dan makanan.
  - III. Kemantapan fiudalisme dan budaya fiudal.
  - IV. Minat baru dalam agama Shinto.
  - V. Konfucianisme semakin penting.
- A. Semua di atas.
- B. I, II, III dan IV.
- C. II, III, IV dan V.
- D. III, IV dan V.
- E. V sahaja.

92. Ciri-ciri berikut mempunyai kaitan dengan zaman Meiji.
- I. Tokyo sebagai pusat politik, ekonomi dan budaya.
  - II. Proses pembaratan yang pesat.
  - III. Konfucianisme mendapat tempat istimewa.
  - IV. Perdebatan antara penyokong pembaratan dan penyokong unsur-unsur Jepun.
  - V. Jepun menyerang Asia Tenggara.
- A. I, II dan III.  
B. Semua di atas.  
C. I, II, III dan IV.  
D. II, III dan IV.  
E. IV dan V sahaja.
93. Ciri-ciri tamaddun Jepun tradisional dipengaruhi oleh perkara berikut:
- I. Shinto, Budhisme, Konfucianisme.
  - II. Setia kepada ibu-bapa.
  - III. Kreativiti bangsa Jepun.
  - IV. Keadaan alam semulajadi Jepun.
  - V. Pengaruh agama Kristian dan Barat.
- A. Semua di atas.  
B. I, III, IV dan V.  
C. III, IV dan V.  
D. II, III, IV dan V.  
E. I dan V sahaja.



94. Perkara-perkara berikut tidak mempunyai sebarang kaitan dengan zaman Meiji.
- I. Bunmei Kaika (Membawa masuk apa sahaja dari Barat).
  - II. Pembunuhan shogun Tokugawa yang terakhir.
  - III. Feudalisme diteruskan oleh kerajaan yang kuku besi.
  - IV. Perubahan sistem pendidikan, perkembangan industri.
  - V. Permodenan dan imperialisme.
- A. Semua di atas.
  - B. I, III, IV dan V.
  - C. I, II, IV dan V.
  - D. I, IV dan V.
  - E. II dan III sahaja.
95. Institusi maharaja Jepun boleh dikaitkan dengan perkara berikut:
- I. Teras kepada nilai-nilai tradisional.
  - II. Raja dikaitkan dengan sikap fanatisme dan keradikalan politik.
  - III. Raja mempunyai ramai isteri serta gundek.
  - IV. Raja dikaitkan dengan proses permodenan negara bangsa.
  - V. Personaliti raja dianggap suci dan keramat sehingga hari ini.
- A. Semua di atas.
  - B. I, II dan III.
  - C. I, II, IV dan V.
  - D. I, II dan IV.
  - E. I, III, IV dan V.

96. Perkara berikut tidak ada kaitan dengan drama kabuki.
- I. Bentuk hiburan kelas bawahan.
  - II. Mementingkan pelakon yang berkarisme.
  - III. Disokong oleh pemerintah pada peringkat awal perkembangannya.
  - IV. Bermula di Kyoto-Osaka tetapi kini berpusat di Tokyo.
  - V. Wanita dan kanak-kanak diberikan peranan sampingan.
- A. Semua di atas.
  - B. I, II dan IV.
  - C. III, IV dan V.
  - D. III dan V sahaja.
  - E. I, II, IV dan V.
97. Pentingnya Mazhab Zen dalam perkembangan tamaddun Jepun dapat dilihat seperti berikut:
- I. Rahib Zen menjadi orang tengah dalam kemasukan pengaruh China.
  - II. Sejarah intelektual Jepun.
  - III. Guru seni mempertahankan diri untuk golongan samurai.
  - IV. Senibena yang “mudah” serta upacara minum teh.
  - V. Teknologi senjata dan bedil China.
- A. Semua di atas.
  - B. I, II, III dan IV.
  - C. I, II dan IV.
  - D. II, III, IV dan V.
  - E. II, III dan V.

98. Tamaddun Jepun pada hari ini berada di persimpangan yang dicirikan oleh perkara-perkara berikut:
- I. Ketiadaan keyakinan dalaman untuk menjadi pemimpin Asia.
  - II. Sentiasa memerlukan satu model bermula dengan China, Barat dan kemudiannya Amerika Syarikat.
  - III. Rakyatnya masih enggan meminta maaf kepada negara-negara yang pernah dizalimi semasa perang.
  - IV. Kegagalan membantu pertumbuhan ekonomi negara-negara Asia Tenggara.
  - V. Jepun masih berminat melancarkan imperialisme.
- A. Semua di atas.
  - B. I, II, III dan IV.
  - C. IV, III, IV dan V.
  - D. I dan II sahaja.
  - E. III, IV dan V.
99. Sekitar tahun 2000 S.M., terdapat suatu kaum yang mendiami kawasan yang memanjang dari Asia Tengah hingga ke Poland di Eropah Timur. Mereka berbadan tinggi, bermuka panjang dan berkulit cerah, mahir menggunakan kenderaan berkuda.

Kaum yang dimaksudkan di dalam pernyataan di atas ialah:

- A. Kaum Semit sebelum berhijrah ke Asia Barat.
- B. Kaum Aryan yang kemudian berhijrah ke Mesopotamia, Greek, Lembah Indus dan lain-lain kawasan.
- C. Keturunan Nabi Ya'aqub yang dikenali sebagai Bani Israel.
- D. Nenek moyang Genghis Khan.
- E. Nenek moyang.

100. Pernyataan manakah yang tidak ada kaitan dengan *Arthashastra* karya Kautilya.
- A. Intisari pemikiran politiknya hampir sama dengan *The Prince* karya Nicollo-Machiavelli.
  - B. Terdapat larangan keras menggunakan pelacur, rasuah dan tipu helah jahat untuk menang dalam politik dan peperangan.
  - C. Diplomasi, pujukan dan ucapan menawan hati sangat digalakkan.
  - D. Menyemai benih perpecahan di kalangan musuh.
  - E. Membangkitkan persengketaan di kalangan musuh.
101. Pilih pernyataan yang tidak berkaitan dengan Kabir (1440-1518 M).
- A. Memperjuangkan konsep persepaduan antara ajaran Hindu dengan Islam.
  - B. Allah dan Rama adalah sama hanya berbeza pada nama.
  - C. Ajarannya mempengaruhi Sikhisme.
  - D. Ramakrishna dan Gandhi menghidupkan kembali ajarannya.
  - E. Salah seorang raja daripada dinasti Mongul.
102. Pilih huraian yang anda anggap tepat tentang ungkapan "Menjunjung Duli" dalam tradisi Melayu.
- A. Menunjukkan sifat hormat kepada pembesar yang dianggap sama taraf dengan Tuhan.
  - B. Menunjukkan sifat sayangkan raja.
  - C. Raja adil dihormati, raja zalim perlu dinasihati.
  - D. Raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah.
  - E. Menandakan sifat merendah diri terhadap bahagian yang paling rendah pada raja, iaitu alas kaki dan debu padanya.

103. Berikut adalah beberapa unsur tamaddun Lembah Indus sebelum kedatangan orang-orang Aryan, kecuali:
- A. Perdagangan dengan Mesopotamia.
  - B. Sistem perparitan dan saluran yang rapi.
  - C. Pembinaan rumah yang teratur.
  - D. Perancangan bandar.
  - E. Perdagangan dengan Alam Melayu.
104. Gerakan Hindu Brahma Samaj di India (1772-1883 M) memperjuangkan perkara-perkara berikut, kecuali:
- A. Sintesis antara tawhid Islam dengan idealisme Upanishad dan Etika Kristian.
  - B. Menentang penyembahan berhala.
  - C. Mengikis amalan kasta.
  - D. Menolak konsep ketidaksentuhan.
  - E. Menggalakkan amalan Sati.
105. Pilih pernyataan yang anda anggap tidak benar tentang Yoga.
- A. Berkaitan dengan disiplin kerohanian.
  - B. Latihan minda sebagai jalan untuk bersekutu dengan Tuhan.
  - C. Pengikut dan pengawal Yoga dipanggil Yogi.
  - D. Sumber rujukan utamanya ialah Yoga-Sutra.
  - E. Teks asal disiplin Yoga ialah *Kama-Sutra*, karya Patanjali.

106. Pilih pernyataan yang tidak tepat tentang Akta Anti-Ketidaksentuhan 1950 (*Untouchable Act*, 1950), di Republik India.
- A. Bertujuan menjamin hak asasi manusia.
  - B. Bertujuan menegakkan keadilan sosial.
  - C. Kumpulan sasarnya ialah rakyat India dari kasta terendah.
  - D. Panggilan Harijan terhadap kasta rendah menunjukkan tentangan terbuka terhadap akta tersebut.
  - E. Mahatma Gandhi merealisasikan semangat dan tujuan akta tersebut dalam cara hidup hingga akhir hayatnya.
107. Gunakan dua pernyataan berikut untuk menjawab soalan ini.
- I. Nama Narashangsa disebut berkali-kali di dalam Rig Veda, Samveda dan Yayur Veda.
  - II. Narashangsa bermakna orang terpuji, sama dengan erti Muhammad dalam bahasa Arab. Justeru itu Muhammad dan Narashangsa adalah sama makna.
- A. Kedua-dua pernyataan tersebut bersumber dari tulisan Iqbal.
  - B. Pernyataan II bersumber dari Sri Aurobido, pernyataan I daripada Mahathma.
  - C. Kedua-duanya bersumber dari tulisan Ved Prakash Upaddhayaya.
  - D. Tulisan Sayyid Ahmad Khan.
  - E. Pendapat Swami Vivekananda dan Muhammad Ali Jinah.
108. Pilih pernyataan yang tepat.
- A. *Kama-Sutra* adalah sebuah karya ilmiah tentang ekonomi, politik dan pengurusan.
  - B. *Mahabharata* adalah sebuah karya epik ditulis oleh Vijaya Kumar.
  - C. *Mahabharata* adalah sebuah epik terpendek di dunia.
  - D. Epik *Ramayana* mengandungi cerita kepahlawanan; melibatkan tentera Babylon di Mesopotamia dengan angkatan Rama dari India.
  - E. Vedanta adalah intisari kepada Veda.

109. Semua yang berikut ada hubungkait dengan cara penilaian yang tidak wajar ke atas sesuatu tamaddun, kecuali:
- A. Memahami dan menilai aspek-aspek tamaddun berkenaan dengan menggunakan perspektif dalaman.
  - B. Berprasangka terhadap tamaddun tersebut.
  - C. Menggunakan kayu ukur tamaddun lain yang lebih hebat.
  - D. Tidak membenarkan unsur-unsur tamaddun tersebut menyerlahkan dirinya kepada penilai.
  - E. Membenarkan ufuk penilai menguasai ufuk tamaddun berkenaan.
110. Pernyataan yang manakah yang paling sesuai dengan kegiatan perbandingan yang sihat dalam ilmu ketamadunan?
- A. Menonjolkan unsur-unsur perbezaan dalam tamaddun-tamaddun berkenaan.
  - B. Meneliti unsur-unsur yang anda gemari dalam tamaddun-tamaddun yang dibanding.
  - C. Membanding realiti dalam satu tamaddun dengan realiti dalam tamaddun lain.
  - D. Membanding *ideal* dan realiti dalam satu tamaddun dengan realiti dan *ideal* dalam tamaddun lain.
  - E. Membanding *ideal* dalam satu tamaddun dengan *ideal* dalam tamaddun lain.
111. Adalah dipercayai bahawa wujud persamaan yang signifikan di kalangan tamaddun-tamaddun dunia. Keadaan ini dapat dibuktikan, antaranya, oleh hakikat bahawa:
- A. Manusia dalam semua tamaddun perlukan makanan, tempat tinggal dan kehidupan berkeluarga.
  - B. Semua tamaddun dunia gemar berperang dan menangkis dominasi.
  - C. Semua tamaddun menganggap kekuatan kerohanian/moral para pemimpin, keadilan sosial dan pengagihan kekayaan yang saksama sebagai penentu kejayaan sesebuah masyarakat atau bangsa.
  - D. Semua manusia dalam semua tamaddun inginkan kekuasaan, kekayaan, kemajuan dan keseronokan.
  - E. Tiap tamaddun menganggap diri sendiri sebagai yang unggul dan umatnya terbaik.

112. Satu dari pernyataan-pernyataan berikut dianggap tidak benar dalam ilmu ketamaddunan:
- A. Kerana asas-asas tamaddun yang berlainan, maka wujudlah unsur-unsur perbezaan di antara tamaddun-tamaddun India, Cina dan Islam.
  - B. Walaupun asas dan objektif tamaddun berlainan, namun unsur-unsur persamaan tetap wujud di kalangan tamaddun manusia.
  - C. Kerana objektif yang berlainan, maka wujudlah unsur-unsur yang tidak sejajar di kalangan tamaddun.
  - D. Kerana tidak ada persefahaman di kalangan manusia, maka tidak wujud langsung unsur-unsur persamaan di kalangan tamaddun.
  - E. Kerana tiap kelompok manusia ingin menjadi unik, maka terserlahlah perbezaan di kalangan tamaddun.
113. Umumnya tiap tamaddun di Asia mempunyai ciri-ciri yang tersendiri. Ini terutama kerana satu faktor penting, iaitu:
- A. Tamaddun-tamaddun di Asia sentiasa menyembunyi kelebihan masing-masing.
  - B. Bangsa-bangsa yang mendukung tamaddun-tamaddun itu berbeza.
  - C. Agama-agama yang mempelopori tiap tamaddun mempunyai objektif yang tersendiri.
  - D. Tokoh-tokoh yang mempelopori tiap tamaddun mempunyai objektif yang tersendiri.
  - E. Tamaddun-tamaddun tersebut memang gemar berdiri sendiri.
114. Satu di antara yang berikut benar sebagai faktor yang mempengaruhi perbezaan antara tamaddun, terutama dalam konteks Asia:
- A. Konsep tentang kebahagiaan di dunia.
  - B. Konsep tentang pekerjaan dan keluarga.
  - C. Konsep tentang Tuhan dan manusia.
  - D. Kekuatan pendukung tamaddun dalam berperang.
  - E. Kekuatan teknologi maklumat.



115. Teliti pernyataan-pernyataan berikut, kemudian nyatakan kombinasi yang salah.
- I. Tamaddun Islam menerima sebarang pengaruh tamaddun asing.
  - II. Unsur-unsur tamaddun Cina mempengaruhi tamaddun Islam.
  - III. Unsur-unsur tamaddun Islam mempengaruhi tamaddun India.
  - IV. Unsur-unsur tamaddun Islam tidak mempengaruhi tamaddun Cina.
  - V. Unsur-unsur tamaddun India mempengaruhi tamaddun Islam.
- A. I dan IV.
  - B. III dan V.
  - C. II dan V.
  - D. II, III dan V.
  - E. II dan IV.
116. Pernyataan manakah yang paling betul bagi menggambarkan interaksi antara tamaddun di Asia semenjak dominasi kolonial Barat?
- A. Pendukung tamaddun-tamaddun Asia gemar dipecah-belahkan dan diadu-domba oleh kuasa-kuasa Barat.
  - B. Sejak zaman penjajahan tamaddun-tamaddun Asia kurang bersikap positif terhadap satu sama lain, sebaliknya lebih gemar meresapkan nilai-nilai dari tamaddun Barat.
  - C. Sejarah menunjukkan bahawa umumnya pendukung tamaddun-tamaddun Asia berganding bahu menentang dominasi tamaddun Barat.
  - D. Masyarakat-masyarakat di Asia sama-sama menolak agama dari tamaddun Barat yang pernah digunakan dalam usahanya untuk mendominasi.
  - E. Agama anak watan sama-sama menjadi benteng pertahanan bagi masyarakat Asia yang dijajah.

117. Kaji pernyataan-pernyataan berikut, kemudian nyatakan kombinasi yang paling tepat bagi menggambarkan situasi masyarakat dan tamaddun di Asia dalam era pasca-kolonial.
- I. Kebanyakan masyarakat Asia lebih mudah menerima agama dari tamaddun Barat berbanding dengan agama-agama dari tamaddun-tamaddun Asia sendiri.
  - II. Kebanyakan masyarakat Asia lebih senang menyerap nilai-nilai dari tamaddun Barat berbanding nilai-nilai dari tamaddun Asia sendiri.
  - III. Terdapat kedudukan ekonomi dan sosial yang tidak seimbang di kalangan kumpulan-kumpulan etnik di negara-negara bekas tanah jajahan.
  - IV. Kini wujud kesedaran dan usaha untuk mengembalikan kegemilangan tamaddun Islam dan tamaddun-tamaddun lain di Asia.
  - V. Kini terdapat toleransi dan kerjasama erat di kalangan pendukung-pendukung tamaddun Islam dan tamaddun-tamaddun di Asia demi kegemilangan yang disebutkan.
- A. II sahaja.
  - B. I dan II.
  - C. IV dan V.
  - D. II, III dan I.
  - E. IV, III dan II.
118. Pernyataan-pernyataan berikut betul bagi menjelaskan kedudukan tamaddun Barat dalam konteks perkembangan dunia semasa, kecuali:
- A. Kerana kekuatan ekonomi dan teknologinya maka Baratlah yang berhak dan paling layak memimpin dunia.
  - B. Barat menganggap ia memikul tanggungjawab sebagai pentadbir dan polis dunia.
  - C. Umumnya masyarakat Barat mengutamakan kemajuan kebendaan dari kemajuan kerohanian.
  - D. Kuasa-kuasa Barat terus menerus menguasai dan menentukan agenda politik bagi seluruh dunia.
  - E. Melalui media dan proses globalisasi Barat menentukan corak perkembangan sosial dan budaya masyarakat-masyarakat di dunia.

119. Pernyataan-pernyataan berikut tidak tepat dan tidak wajar bagi membina suasana perhubungan dan masa depan yang positif untuk tamaddun-tamaddun, kecuali:
- A. Masa depan bagi tamaddun-tamaddun umumnya ialah konflik.
  - B. Dalam tempoh yang dekat tamaddun Barat akan berkonflik lagi dengan tamaddun Islam.
  - C. Semua tamaddun telah berakhir, kecuali tamaddun Barat yang bercorak demokrasi liberal.
  - D. Walaupun tamaddun Islam kini didominasi dan dikasari di sana sini, para intelektual Muslim tetap menyeru ke arah dialog antara tamaddun.
  - E. Hubaya-hubaya! Perbatasan atau garis sempadan tamaddun Islam semasa berlumuran darah.
120. Pernyataan manakah yang paling tepat untuk menggambarkan proses globalisasi sebagai cabaran semasa kepada tamaddun Islam dan tamaddun Asia?
- A. Globalisasi ialah proses sehalu yang menjanjikan kemakmuran dan kebahagiaan kepada masyarakat Islam.
  - B. Globalisasi ialah proses yang wajib diterima sepenuhnya kerana ia dapat memajukan tamaddun-tamaddun Asia.
  - C. Globalisasi ialah proses di mana kuasa-kuasa Barat menyebarluaskan ke seluruh pelusuk dunia produk-produk dan nilai-nilai mereka yang semuanya ditampilkan sebagai bersifat universal.
  - D. Globalisasi wajar ditentang habis-habisan oleh masyarakat dalam tamaddun Islam kerana ia membawa gejala negatif semata.
  - E. Globalisasi dapat menjadikan dunia *a global village* dan boleh mengeluarkan masyarakat Asia dari kegawatan sosio-ekonomi masa kini.